

# **SKK ST Anne Rangkul Anugerah Emas Pertandingan Robotik Kebangsaan (NRC) 2019**



Labuan, 24 Ogos – Pertandingan Robotik Kebangsaan (NRC) merupakan salah satu daripada aktiviti kokurikulum berimpak tinggi kelolaan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dengan kerjasama Sasbadi Holdings Berhad yang memberikan penekanan terhadap aspek inovasi dan kreativiti dalam kalangan pelajar melalui pembelajaran berdasarkan pengalaman yang menarik dan menyeronokkan.

Pertandingan ini menggalakkan murid mengaplikasikan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) serta pelbagai strategi untuk mereka bentuk dan membina robot yang hebat, seterusnya dapat mempromosi inovasi dalam bidang sains dan teknologi di semua sekolah.

SKK SK St. Anne telah menghantar tiga pasukan bagi menyertai pertandingan yang amat berprestij ini. Ketiga-tiga pasukan ini menyertai "Regular Category (PRO) – Primary School (Smart Passenger Transport) dan dibimbing oleh Cikgu Diana Farahdilla dan Cikgu Kamaliah.

Berikut merupakan pencapaian yang diperolehi oleh pasukan SKK SK St. Anne;

#### **ANUGERAH EMAS**

- Alden Daniel Ronnie Pett
- Jonathan Abel Jeffrey
- Love Valentina Almodiel

#### **ANUGERAH PERAK**

- Derwin Poh Chun Teck
- Joyce Diedree Jostelen
- Nur Maisarah binti Suwardi

#### **ANUGERAH GANGSA (TEMPAT KELIMA)**

- Mohammad Carlos Raqeem bin Mahathir
- Nur Izyan Qairina binti Tarmiji
- Lana Aelviella Peter Charles



Pasukan yang berjaya mendapat ANUGERAH PERAK. Tahniah!  
Pasukan yang berjaya mendapat ANUGERAH EMAS  
dalam pertandingan ini akan mewakili WP Labuan ke  
peringkat kebangsaan. Semoga  
program NRC ini dapat dijalankan secara berterusan untuk  
tahun-tahun yang  
mendatang supaya terus dapat dimanfaatkan sepenuhnya  
supaya matlamat  
kemajuan murid dapat direalisasikan.

---

**SKK Ranch-Rancha mendapat  
Anugerah Emas Kategori  
Regular (Rookie)  
Pertandingan Robotik**

# Kebangsaan (NRC) Peringkat Negeri W.P Labuan



LABUAN, 24 Ogos – Sekolah Kluster Kecemerlangan (SKK) SK Rancha-Rancha mendapat Anugerah Emas Kategori Regular (Rookie) Pertandingan Robotik Kebangsaan (NRC) Peringkat Negeri W.P Labuan kelolaan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dengan kerjasama Sasbadi Holdings Berhad yang telah diadakan pada 24 Ogos 2019 bertempat di Dewan Konvensyen Kompleks Ujana Kewangan.

Dengan kejayaan itu, SKK SK Rancha-Rancha membawa pulang plak, sijil dan pingat emas bagi setiap peserta. Peserta ialah Luqman Hafiz bin Abd Ghaffar, Adi Zackwan bin Zanki Maududi dan Muhammad Haikal bin Asmadi. Jurulatih dan guru pengiring ialah Encik Heveldy bin Morudin dan Puan Setia Pautas.



Guru besar SKK SK Rancia-Ranca, Puan Norinnie binti Kassim mengucapkan tahniah atas kejayaan pasukan itu dan berharap agar terus berjaya dalam pertandingan yang akan datang.

Penutupan dan majlis penyampaian hadiah disempurnakan oleh Encik Jaafar bin Hj Matusin, Ketua Unit Kokurikulum, Sektor Pengurusan Pembangunan Kemanusiaan JPN W.P Labuan. Turut hadir Encik Aminuddin bin Abd Malek, dari JPN W.P Labuan dan Ustaz Abdul Kahar bin Abdul Rahim, PK Kokurikulum SK Sg Lada.

---

# **The Makers Sempena Karnival Robotik Matrikulasi ‘ROBOTRIX 2019’ Peringkat Kebangsaan**



Labuan, 25 Ogos 2019 – Sekolah kebangsaan Pekan Satu telah dinobatkan sebagai Johan The Makers sekolah-sekolah peringkat kebangsaan sekali gus merangkul pingat emas.

Pertandingan The Makers yang berlangsung di Dewan Mutiara, Matrikulasi Labuan berjaya mencungkil bakat dan keyakinan murid dalam berucap dan menerangkan di hadapan orang ramai.

Projek inovasi yang dibentangkan iaitu F.W.E Cleaner merupakan satu projek yang menguji Kemahiran Proses Sains (KPS) murid dan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT)

dalam kalangan murid.

Seramai empat orang peserta telah mewakili Sekolah Kebangsaan Pekan Satu dalam pertandingan ini iaitu Al Basri bin Hasby (4 Bestari), Siti Nadzwiya Nadzwa binti Nadir (4 Bestari), Muhammad Armah Khan bin Amin Khan (4 Bestari) dan Arisa Ariana (4 Bestari) di bawah bimbingan Cik Izasyahira binti Duasah dan Puan Asbaidah binti Tahir sebagai jurulatih utama dan guru pengiring.



Dari kiri Al Basri bin Hasby, Siti Nadzwiya Nadzwa binti Nadir, Muhammad Armah Khan bin Amin Khan dan Arisa Ariana.

Kejayaan yang diraih adalah satu kejayaan yang membanggakan kerana ini merupakan pengalaman kali pertama murid dalam menyertai pertandingan inovasi. Kejayaan yang diperoleh juga memberi dorongan kepada murid untuk lebih yakin dengan kebolehan diri dan menilai kekurangan untuk menambahbaik projek yang mereka jalankan. Diharapkan peluang menyertai pertandingan inovasi The Makers ini berjaya membuka minda dan minat murid ke arah pembudayaan pemikiran inovatif.

Ringkasnya, pertandingan-pertandingan yang dianjurkan merupakan salah satu peluang untuk guru-guru melatih dan mengilap bakat murid bagi membentuk kemenjadian murid dari usia muda. Diharapkan pengalaman yang murid peroleh dapat menjadikan murid lebih bersedia bagi menghadapi persaingan yang lebih hebat di peringkat yang lebih tinggi kelak. Syabas dan tahniah kepada para peserta kerana berani menyahut cabaran yang diberikan.



Murid dan guru pengiring bersama-sama dengan juri pertandingan.



Murid bersungguh-sungguh membentangkan projek inovasi F.W.E Cleaner kepada para juri.

---

**SMK Mutiara Johan  
Pertandingan Grafik  
Keselamatan Jalan Raya**



**Labuan, 23 Ogos** – SMK Mutiara berjaya merangkul tempat pertama dalam pertandingan grafik keselamatan jalan raya anjuran Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) Labuan. Pertandingan ini terbuka kepada sekolah-sekolah menengah yang menawarkan ko-kurikulum JPJ sebagai aktiviti badan beruniform di sekolah.

Setiap penyertaan diwajibkan menghasilkan satu poster berbentuk grafik yang berkonsepkan keselamatan jalan raya. SMK Mutiara tampil dengan imej grafik berkonsepkan bahaya menggunakan telefon bimbit semasa pemanduan. Poster tersebut telah membawa tuah kepada SMK Mutiara yang berjaya mengatasi SMK Labuan di tempat kedua dan SM ST. Anthony di tempat ketiga.

SMK Mutiara diwakili oleh Adik Mohamad Aswatul Zikrullah Bin Mohd Ayub dan Adik Abzan Shah Bin Abel, murid tingkatan 2 sekolah ini. Manakala tiga orang pelajar lagi ialah Ahmed Syazwi Najmi Bin Ahmad Nawati, Muhammad Mifzal Bin Mohd Rafi dan Mohamed Affizie Bin Sawang @ Rizal dari Tingkatan 3.

Semasa ditemui, adik Aswatul Zikrullah memberitahu mereka mengambil masa dalam masa seminggu untuk menghasilkan poster tersebut. Idea timbul daripada pemerhatian

seharian mereka di mana sikap pemandu yang asyik menggunakan telefon bimbit sering menyumbang kepada kemalangan jalan raya.

Mereka juga mengucapkan terima kasih kepada guru-guru pembimbing yang begitu komited dalam membantu penghasilan poster tersebut. Guru tersebut Ini termasuklah Cikgu Ilias Bin Zakaria dan Cikgu Rohani Binti Tali @ Md Ali (Guru Penasihat Kadet JPJ SMKM), Cikgu Mohd Asrul Bin Jais (grafik) dan Cikgu Felix Heng Yong Yuen (mencetak). Cik Debbie Lawrence pula membantu membuat terjemahan idea ke dalam bahasa inggeris. Adik Aswatul Zikrullah juga menekankan prinsip kerjasama telah membawa hasil dan menyifatkan kemenangan ini merupakan kemenangan SMK Mutiara secara keseluruhan.



Peserta pertandingan grafik keselamatan jalan raya bergambar kenangan bersama Pengarah JPJ.

Johan pertandingan membawa pulang hadiah wang tunai RM250, tropi dan sijil kemenangan selaku johan dalam pertandingan ini. Hadiah-hadiah telah disampaikan oleh Pengarah JPJ Labuan yang diadakan serentak dengan Majlis Perhimpunan Bulanan JPJ.

Turut hadir di dalam majlis tersebut ialah Encik

Aminuddin Abdul Malek, Penyelia Kanan Pasukan Badan Beruniform selaku wakil rasmi Pengarah Pendidikan, Jabatan Pendidikan W.P.Labuan.

Berita Oleh : SMK Mutiara

---

## **Warga SK Sungai Bedaun Berkongsi Nikmat Rezeki Dalam Ibadah Korban**



**Labuan** – Seramai 47 murid daripada golongan asnaf dan anak yatim diraikan dalam program korban yang dianjurkan oleh Musalla Al Kauthar dengan kerjasama Panitia Pendidikan Islam dan Kelab Guru dan Staf, Sekolah Kebangsaan Sungai Bedaun (SKSB) pada 11 Ogos lalu di padang SKSB.

SK Sungai Bedaun telah mengadakan program korban sejak tahun 2018. Pada tahun ini, dua ekor lembu telah disumbangkan oleh guru-guru untuk ibadah korban.

Program ini diadakan sejurus selepas solat sunat Aidiladha dan selesai selepas solat zohor. Warga SKSB bersama Penggerak Ibu Bapa dan Komuniti (PIBK) bergotong-royong bagi menyempurnakan program ini.

Proses penyembelihan telah dilakukan oleh Ustaz Sahrum Bin Samlan, Penolong Pengarah Pembangunan Adab dan Nilai, Jabatan Pendidikan W.P.Labuan yang juga merupakan ahli PIBG dan alumni SKSB.

Menurut Puan

Dayang Sarifah Binti A. Mahmod, Guru Besar SKSB, Program korban pada tahun ini sangat meriah dengan kehadiran ramai ibu bapa yang membantu pihak sekolah menguruskan kerja-kerja penyembelehan, melapah, mengagihkan daging serta memasak untuk kenduri korban.

“Alhamdulillah, majlis berjalan lancar dan saya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada para penyumbang dan semua yang terbabit menjayakan program korban tahun ini,” katanya.



Puan Dg. Sarifah (dua dari kiri) mengagihkan daging

korban dan juadah kenduri kepada penerima sambil diperhatikan oleh Puan Rina Farrina (kiri) dan Ustaz Sahrum (kanan).

Menurut Puan

Saudah Binti Abdul Wahab Penyelaras Program Korban, banyak permintaan daripada guru-guru untuk melaksanakan ibadah korban pada tahun ini namun pihak sekolah terpaksa menghadkan kepada dua ekor lembu sahaja memandangkan tenaga kerja untuk melapah daging tidak mencukupi.

“InshaAllah,  
pihak urusetia akan meneruskan program korban berkelompok di tahun hadapan. Sekiranya ada permintaan kita akan menambah kouta kepada tiga ekor lembu”. Katanya.

Antara juadah yang disediakan untuk kenduri korban tersebut ialah sup tulang, daging goreng dan sayur campur. Daging yang siap dibungkus kemudian diagihkan kepada golongan asnaf dan anak yatim bermula jam 12.30 tengah hari. Pengagihan 143 kg daging korban juga berjalan lancar dan sistematis.

Semoga Program korban ini mendapat keberkatan serta mengeratkan lagi silaturrahim di kalangan warga SK Sungai Bedaun dan komuniti setempat.

Pihak sekolah berharap agar program ini dapat memberi sinar kegembiraan kepada golongan asnaf untuk sama-sama meraikan Aidiladha dengan penuh kegembiraan.

**Berita Oleh : SK Sungai Bedaun**

---

# **Perhimpunan Bulanan JPWPL, Ogos 2019 : Anugerah Wira Muda Bangkit Semangat dan Mengangkat Martabat Murid**



**Labuan, 21 Ogos** – Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan telah mengadakan Perhimpunan Bulanan bagi bulan Ogos 2019 bertempat di Bahagian Teknologi Pendidikan Negeri, hari ini.

Empat orang murid telah mendapat Anugerah Khas Pengarah bagi bulan Ogos 2019 iaitu Anugerah Wira Muda yang disampaikan sendiri oleh Encik Raisin Saidin.

Anugerah Wira Muda ini merupakan anugerah yang julung kali diperkenalkan oleh Encik Raisin Saidin bagi memberi pengiktirafan kepada murid yg telah mengharumkan nama

Labuan di persada antarabangsa.

Adik Mohd Miniezam bin Maswandi dari SK Tanjung Aru telah muncul sebagai Johan Kategori Heavy, umur 10 hingga 12 tahun bagi acara Sparring di Kejohanan *Malaysia Open International Taekwondo Championship 2019* yang berlangsung di Bukit Kiara Kuala Lumpur.

Adik Mohd Daniel Hakim bin Matdaim dari SM Sains Labuan telah dinobatkan sebagai Johan Deklamasi Puisi peringkat kebangsaan anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka Sempena Pertandingan Koakademik Bahasa Melayu dan Program Bakat Tunas Remaja Peringkat Kebangsaan yang berlangsung pada 23 Julai lalu.

Adik Elmus Zechary Tonduyuk Salibun dari SM St Anthony telah terpilih sebagai Pengurus Majlis Perwakilan Kanak-Kanak Kebangsaan bagi sesi tahun 2019-2021.

Seorang lagi Wira Muda bagi bulan Ogos telah dianugerahkan kepada adik Arhadin bin Prome dari Sekolah Sukan Malaysia Sabah.

Encik Raisin Saidin mengucapkan syabas dan tahniah kepada Adiwira Muda dan berharap anugerah serupa dapat dilaksanakan di sekolah. Sesungguhnya setiap murid mempunyai nilai tersendiri dan pihak sekolah seharusnya dapat menggilap bakat dan potensi murid di sekolah masing-masing.

Kelaziman, acara dimulai dengan nyanyian lagu Negaraku, Maju dan Sejahtera diikuti dengan bacaan doa dan Ikrar Perkhidmatan Awam serta Integriti Perkhidmatan Awam.

Seterusnya, pelancaran Program Meningkatkan Kesedaran Kesejahteraan Psikologi Guru #3A peringkat Wilayah Persekutuan telah dirasmikan oleh Encik Raisin Saidin, Pengarah Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Labuan.



Pelancaran Program Meningkatkan Kesedaran Kesejahteraan Psikologi Guru #3A

Cikgu Shamsuria Ebni Penolong Kanan Hal Ehwal Murid, SKK Sekolah Kebangsaan ST Anne telah dinobat sebagai Adiwira Guru bagi bulan Ogos 2019.

Persembahan khas jemputan pengarah oleh murid-murid SMK Taman Perumahan Bedaun telah menghiburkan warga jabatan yang hadir dengan membawa persembahan angklung.

Sempena pelancaran Pendidikan Sivik Peringkat Kebangsaan baru-baru ini,

Encik Raisin Saidin tidak lupa mengingatkan para Pengetua dan Guru Besar agar

sentiasa berusaha menanamkan Pendidikan Sivik dalam diri anak murid. Peranan

dan tanggungjawab sekolah mengenai pendidikan amat dituntut bagi melahirkan

generasi maju yang prihatin dan berdisiplin.

Di akhir majlis, Tayangan Video Ucapan Perdana Menteri

semasa pelancaran Pendidikan Sivik Peringkat Kebangsaan telah dipertontonkan kepada para hadirin.

Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad berharap Pendidikan Sivik yang mula dilaksanakan di sekolah sejak Jun lepas akan membentuk masyarakat dan individu yang bertanggungjawab, prihatin dan bertimbang rasa kepada pihak lain.

Dalam hidup bermasyarakat, katanya sifat-sifat itu amat penting bagi memastikan setiap individu tidak melakukan sesuatu yang memburukkan keadaan di sekeliling mereka.

*“Dengan itu, percayalah negara kita akan menjadi negara yang maju, bersih dan dipandang tinggi oleh masyarakat dunia,” Tun Dr. Mahathir Mohamad*

Majlis ditutup dengan nyanyian beramai-ramai lagu Tanggal 31 Ogos 2019 sempena sambutan Hari Kebangsaan 2019.



Adiwira Guru bagi bulan Ogos 2019, Cikgu Shamsuria



Sambutan Hari Jadi bulan Ogos 2019 kepada Encik Azlan Sugianto

---

# **SMK Labuan Johan Pertandingan Pengisahan Kenegaraan Peringkat WP Labuan 2019**



**Labuan, 21 Ogos** – Lima orang pelajar Tingkatan Enam SMK Labuan yang menamakan kumpulan mereka sebagai Kumpulan Pengisahan **Sinaran Maida** telah berjaya menjuarai Pertandingan Pengisahan Kenegaraan 2019 Peringkat WP Labuan pada 17 Ogos 2019 di Anjung Budaya Layang-Layangan.

Pertandingan Pengisahan Kenegaraan ini terbuka kepada peserta-peserta berumur 18 tahun ke atas.

Sinaran Maida terdiri daripada tiga orang pelakon iaitu Mohamad Azuan bin Isack (6 Atas), Mohamad Syazwan Firdaus bin Mohd Sufry (6 Rendah) dan Elly Nazirah binti Sufri (6 Rendah).

Mereka dibantu oleh 2 orang krew iaitu Aleeya Nazurin binti Dzulhaide dan Nurul Ateyrah binti Yusaili, kedua-duanya pelajar 6 Rendah.

Sinaran Maida yang telah berjaya merangkul hadiah RM3000 berserta trofi dan sijil, menewaskan saingan kumpulan Pearl Revolution di tempat kedua dan Team Pisangs di tempat ketiga.

Majlis penyampaian hadiah disempurnakan oleh YBhg Dato'

Sri Haji Amir bin Hussien, Pengurus Perbadanan Labuan.

Dalam ucapan perasmianya, Dato' Sri Hj Amir berkata, di sebalik kenikmatan yang dirasai sebagai rakyat yang bernaung di bawah Negara yang bebas, sudah pasti terdapat tokoh-tokoh yang berjuang di sebaliknya bagi mendapatkan kemerdekaan.

*” Sentiasa menghargai dan mengingati perjuangan tokoh-tokoh negara ini adalah salah satu cara bagaimana kita menyuburkan semangat patriotism dan cinta kepada negara dalam kalangan warganegara Malaysia.” Dato' Sri Hj Amir*

Sinaran Maida akan mewakili WP Labuan dalam Pertandingan Pengisahan Kenegaraan Peringkat Kebangsaan yang akan diadakan di Terengganu pada 27-28 September 2019.

**Berita Oleh : SMK Labuan**

---

## **SMK Mutiara Anjur Ceramah Remaja, Penyalahgunaan Dadah, Inhalan dan Bahan Terlarang**



**Labuan, 20 Ogos** – Seramai 36 murid SMK Mutiara mengikuti ceramah tentang bahaya najis dadah oleh AADK bertempat di Dewan Semarak sekolah ini.

Sesi ceramah telah disampaikan oleh Encik Md. Hasri bin Jeinia, Pegawai Pencegahan AADK Cawangan Labuan. Ceramah selama 1 jam 30 minit telah menyentuh pelbagai aspek pengetahuan dan kemahiran remaja menangkis ancaman bahaya najis dadah.

Menurut Encik Hasri, golongan remaja semakin terdedah kepada ancaman najis dadah. Perkara utama yang diperlukan oleh remaja masakini ialah kekuatan dalaman termasuk disiplin diri dan didikan agama yang kukuh.

Tambah beliau, faktor utama remaja terjebak dalam penyalahgunaan dadah ialah disebabkan pengaruh rakan sebaya. Justeru remaja dinasihatkan untuk bijak memilih rakan dalam pergaulan harian.



Encik Hasri sedang memberi ceramah kepada murid-murid mengenai bahayanya penyalahgunaan dadah kepada murid-murid SMK Mutiara

Ceramah ini dilaksanakan sempena Minggu Antidadah peringkat sekolah yang diadakan mulai 19 sehingga 23 Ogos 2019.

Menurut Encik Hafiz, penyalaras program yang juga Kaunselor sekolah memberitahu aktiviti-aktiviti lain yang turut diadakan sepanjang minggu antidadah ialah Cafe teen, lawatan ke Pusat Koreksional Labuan dan IPD Labuan, pertandingan melukis poster dan menulis eseи serta pertandingan keceriaan lorong PPDa di sekolah.

Acara perasmian Minggu Antidadah yang bertemakan ‘Komuniti Kita Tanggungjawab Kita’ telah disempurnakan oleh pengetua SMK Mutiara, Encik Mohd Nizam bin Yasim.

**Berita Oleh : SMK Mutiara**

---

# Borang Kajian Tindakan 12 Langkah Dibentangkan Bangkok



01 – 02 Ogos 2019 – *School Improvement Specialist Coach (SISC+)* W.P.Labuan, Suriani Alland Rice Oxley telah membentangkan kertas penyelidikan beliau bertajuk *Using '12 Steps Form' In Conducting Action Research And It's Impact On Teachers' Continuous Professional Development* di *Universal Academic Cluster International August Conference*, SM Tower, Bangkok. Konferens yang bertemakan *academic & multidisciplinary* ini telah dianjurkan oleh Walailak University Coordination Unit, Thailand.

Sebanyak 18 kertas penyelidikan telah dibentangkan dikonferens sehari ini. Para pembentang terdiri daripada ahli ilmiah dan pakar dalam bidang masing masing yang datang daripada pelbagai universiti seperti University of Agriculture, Faisalabad, Pakistan, Don Mariano Marcos Memorial State University, Philippines, Cadi Ayyad University, Morocco, The Hang Seng University of Hong

*Kong, Khon Kaen University dan Maejo University, Thailand, Indonesian Defense University, Cairo University, Egypt, Middle Technical University, Iraq, Pusan National University, South Korea, University of Cape Coast, Ghana, Tshwane University of Technology, South Africa serta Universiti Kebangsaan Malaysia termasuk wakil tunggal dari Jabatan Pendidikan W.P.Labuan.*



Konferensi ini memberi peluang kepada semua ahli akademik dan penyelidik dari seluruh dunia berkongsi kepakaran dan pengetahuan serta bertukar-tukar pendapat. Melalui konferensi ini juga, para peserta dapat bersemuka dan berkenal-kenalan antara satu sama lain dan seterusnya mewujudkan jaringan akademik dengan mereka yang datang dari pelbagai institusi pendidikan serta dari pelbagai negara.

---

# Laman Membaca Permata Hati, Hub Transformasi Minda Komuniti, SMK Rancha-Rancha



**Labuan , 13 Ogos** – Pusat Sumber DSDN SMK Rancha-Rancha telah mengadakan perasmian laman bacaan Permata Hati pada 9 ogos yang lalu.

Ruang bacaan yang dinamakan sebagai Permata Hati ini merupakan ruang bacaan kanak-kanak yang berumur antara 4 hingga 10 tahun. Ruang bacaan ini adalah perkhidmatan istimewa yang diberikan kepada ahli komuniti pusat sumber di sekolah SMK Rancha-Rancha.

Perasmian laman bacaan Permata Hati di Pusat Sumber DSDN telah dilakukan oleh penaung Pusat Sumber Sekolah

berkenaan iaitu Datin Dato' Sri Hajah Norsiah binti Abdullah.

Turut menyaksikan perasmian majlis itu ialah Ketua Sektor Pengurusan Pembangunan Kemanusian Jabatan Pendidikan W.P Labuan iaitu Encik Asbolah bin Amit, Pengurus Labuan Society Encik Wan Abdul Rahim bin Wan Abd Rahman , Encik Yahya bin Ahmad Puteh Pengetua SMK Rancha-Rancha serta barisan penolong kanan pentadbiran sekolah tersebut.



Pusat Sumber DSDN SMK Rancha-Rancha memberi kemudahan yang bertaraf perpustakaan awam di Malaysia

Sewaktu membuat penanda perasmian , penaung Pusat Sumber DSDN SMK Rancha-Rancha menyatakan bahawa ruang yang diadakan tersebut mampu menarik lebih ramai lagi pengunjung ke PSS DSDN SMK Rancha-Rancha.

Dengan adanya pelbagai kemudahan dan ruang yang menarik, beliau yakin Pusat Sumber Sekolah DSDN mampu menjadi pusat transformasi minda kepada komuniti terdekat seperti penduduk Kampung Sungai Lada, Sungai Labu, Sungai Miri, Sungai Pagar dan Sungai Bedaun.

Encik Sapri bin idris selaku Ikon Guru Perpustakaan dan Media W.P Labuan dan GPM sekolah berkenaan menyatakan, laman membaca Permata Hati diwujudkan adalah untuk menjadikan Pusat Sumber DSDN SMK Rancha-Rancha hub membaca dalam kalangan komuniti setempat.

Tambah beliau lagi, dengan adanya laman sedemikian maka ahli komuniti yang terdiri daripada kanak-kanak akan mengenali PSS DSDN SMK Rancha-Rancha sekaligus menjadikan sekolah tersebut sebagai buah hati para ibu bapa dalam membudayakan amalan membaca yang seharusnya dipupuk sejak dari kecil lagi.



GPM SMK Rancha-Rancha En Sapri (kiri) bergambar bersama tetamu perasmi yang hadir

Menurut Pengetua sekolah SMK Rancha-Rancha, Encik Yahya bin Ahmad Puteh menegaskan SMK Rancha-Rancha sebagai sekolah komuniti, seharusnya mempunyai alternatif dalam menarik ahli komuniti datang ke sekolah. Ahli komuniti setempat boleh menyumbang idea, wang ringgit dan tenaga dalam membangunkan sekolah secara kolektif.

Hubungan yang erat antara warga sekolah bersama komuniti setempat sudah pastinya akan memberi impak yang baik khususnya dalam perkembangan pendidikan anak-anak kampung di Wilayah Persekutuan Labuan.



Encik Yahya ketika membuat ucapan alu-aluan kepada para tetamu yang hadir

Kanak-kanak yang telah menjadi ahli komuniti Pusat Sumber DSDN SMK Rancha-Rancha, boleh meminjam bahan bacaan yang disediakan pada setiap hari Sabtu dari jam 8.00 pagi hingga 1 tengahari. Ibu bapa boleh menemani anak-anak mereka ketika di pusat sumber sekolah .

Perkhidmatan tambahan di Pusat Sumber DSDN SMK Rancha-Rancha ini telah dibiayai oleh penaung PSS iaitu Datin Dato' Sri Hajah Norsiah binti Abdullah dengan menyediakan khidmat pegawai perpustakaan untuk menjaga dan menguruskan PSS setiap hari Sabtu.

**Berita Oleh : SMK Rancha-Rancha**





Laman membaca Permata Hati pengikat kasih sayang antara anak-anak dengan ibu bapa